

02 APR 2002

Keganasan-Perjuangan/I

PARA MENTERI OIC HULUR SOKONGKAN KEPADA PALESTIN, KATA SYED HAMID

KUALA LUMPUR, 2 April (Bernama) -- Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar hari ini berkata bahawa Sesi Khas Menteri-menteri Luar Pertubuhan Persidangan Islam (IFCM) mengenai Keganasan tidak pernah mentakrifkan perjuangan Palestin sebagai tindakan keganasan.

"Kami telah berkata yang kami menyokong perjuangan Palestin untuk menentukan masa depannya sendiri dengan penubuhan sebuah negara bebas Palestin," kata beliau dalam satu sidang berita di akhir hari kedua mesyuarat ICFM selama tiga hari itu, di sini.

Syed Hamid berkata apa-apa kenyataan yang menyatakan Menteri-menteri telah mentakrifkan ataupun meenyimpulkan yang perjuangan rakyat Palestin adalah sama dengan perjuangan pengganas adalah tidak betul.

Syed Hamid berkata demikian sebagai mengulas laporan media antarabangsa mengenai deraf Deklarasi Kuala Lumpur yang dijangka diluluskan esok.

"Bagi kita, ia bukan dokumen rasmi. Apa sahaja dokumen yang anda terima sebelum ia diluluskan esok adalah tidak rasmi," katanya.

Syed Hamid juga mengulangi yang ucapan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di perasmian mesyuarat itu semalam harus diterima dalam konteks keseluruhannya.

"Definisi Dr Mahathir mengenai tindakan keganasan masih boleh diguna pakai tetapi anda tidak boleh mengambil satu ayat atau satu ungkapan sahaja," katanya.

-- BERNAMA

MAM DC JK PR